

02 JUL 1998

MAHATHIR: MALAYSIA HAIRAN SINGAPURA BERI LAYANAN BERBEZA

KULIM, 2 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap Singapura yang memberikan layanan berbeza kepada rakyat Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Kemungkinan Singapura menganggap penduduk Sabah dan Sarawak bukan sebahagian daripada rakyat Malaysia, kata Perdana Menteri pada sidang berita selepas merasmikan AIC Semiconductor Sdn Bhd di sini.

Beliau ditanya mengenai tindakan kerajaan Singapura yang membenarkan penduduk Sabah dan Sarawak mengeluarkan wang simpanan mereka daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) negara itu (sama seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja), tetapi tidak kepada penduduk Semenanjung.

Beliau berkata nampaknya ada layanan yang berbeza diberikan kepada penduduk Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Kerajaan akan cuba untuk berunding dengan Singapura untuk mengatasi perkara itu, katanya.

Dr Mahathir juga membidas akhbar tempatan yang lebih berminat menyiarkan berita mengenai kononnya ada pergeseran antara pemimpin di negara ini.

-- BERNAMA

AHM RI OBA